

Ulama, pemerintah mesti kerjasama pacu kemajuan

RH-12/6/2007

Gandingan mampu bawa kebaikan, keharmonian kaum: PM

Oleh Azman Zakaria

BANGI Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi mahu gandingan ulama dan umara (pemerintah) yang terjalin sejak negara mencapai kemerdekaan dalam memakmurkan negara serta mewujudkan keharmonian antara rakyat terus dipertingkatkan dalam memacu kemajuan.

Perdana Menteri berkata, beliau tidak mahu wujud keadaan ulama dan pemerintah masing-masing membawa diri sendiri.

“Gabungan yang ditekankan supaya dalam hubungan ini dapat ingat mengingati, saling berpesan dan masing-masing memberi pandangan terbaik. Kita gabung dan gerak bersama untuk membawa kebaikan dan keharmonian,” katanya pada sidang media selepas merasmikan Muzakarah Imam Peringkat Kebangsaan 2007 di Universiti Kebangsaan

Malaysia (UKM) di sini, semalam.

Seramai 3,900 imam menghadiri muzakarah lima hari yang berakhir Jumaat ini yang antara lain bertujuan menghidupkan semula kesedaran dan fungsi masjid dalam membangunkan umat. Turut hadir Penasihat Agama kepada Perdana Menteri, Tan Sri Dr Abdul Hamid Othman dan Timbalan Menteri Penerangan, Datuk Ahmad Zahid Hamidi.

Sambil memberikan contoh penubuhan Lembaga Tabung Haji yang lahir hasil perbincangan antara ulama dari Universiti Al-Azhar, Mesir dan Profesor Diraja Ungku Aziz daripada kalangan pendidik atau pemerintah, Abdullah berkata, institusi itu memberi manfaat kepada banyak pihak dan negara.

Katanya, kerjasama antara ulama dan umara turut menyumbang ke-

pada kesejahteraan negara sejak 50 tahun lalu.

Terdahulu, dalam ucapannya Abdullah mengingatkan imam supaya tidak mempolitikkan khutbah Jumaat kerana ia seharusnya membangunkan dan memajukan insan.

Katanya, tanggungjawab imam bukan kecil kerana selain sebagai pemimpin jemaah ketika mengerjakan sembahyang, mereka mesti juga mengimarahkan masjid dengan kegiatan amal.

“Masjid bukan tempat sembahyang saja tapi juga digunakan untuk program kebaikan dan amal soleh,” katanya.

Beliau turut membidas golongan yang mempertikaikan konsep Islam Hadhari sedangkan ia mendapat perhatian daripada negara Islam lain dan Barat.

“Islam Hadhari bukan agama baru, bukan mazhab baru... cuma sebagai panduan yang tidak keluar da-

ri (ajaran) agama untuk kita ikuti supaya dapat dapat membina kekuatan dalam pelbagai bidang,” katanya.

Pada sidang media kemudian, ketika ditanya mengenai tarikh pilihan raya, Perdana Menteri berkata, beliau masih menunggu ilham sebelum mengumumkannya.

“Sekarang ekonomi dah baik dan apabila saya sudah kahwin, kini ditanya pula bila nak pilihan raya... tunggu ilham,” katanya.

Ditanya lagi sama ada ilham itu akan datang dalam masa dua tiga bulan ini, beliau berkata: “Mana mana boleh tentu, masa dia mai (datang), tiba-tiba saja.”

Mengenai pengisian jawatan Hakim Besar Malaya yang kosong sejak Januari lalu berikutan persaraan Tan Sri Siti Norma Yaakob, Abdullah berkata, beberapa nama sudah dicadang dan pelantikan akan dibuat tidak lama lagi.